

KERATAN AKHBAR

NAMA : SINAR HARIAN (Nasional) TARIKH: 9 FEBRUARI 2018 M/S: 7

Pelan Transformasi PBT diperkenal bulan ini babitkan enam prinsip

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memperkenalkan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjelang akhir bulan ini bagi meningkatkan lagi standard dan kualiti perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di negara ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pelan itu akan mengandungi enam prinsip iaitu pemeraksanaan modal insan, penyampaian perkhidmatan cemerlang, pengukuhan kemampuan kewangan, kesejahteraan rakyat, penyertaan masyarakat dan komunikasi berkesan.

Katanya, oleh kerana pihak berkuasa tempatan memainkan peranan penting dalam mengurus

bandar raya dan kawasan bandar, maka orang ramai meletakkan harapan tinggi di bahunya.

"Di samping pelan transformasi, bagi memastikan mereka (pihak berkuasa tempatan) menyampaikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan, kementerian saya juga melaksanakan Sistem Penarafan Bintang bagi Pihak Berkuasa Tempatan.

"Penarafan ini membuat penilaian kualiti perkhidmatan bandar yang disampaikan pihak berkuasa tempatan setiap dua tahun dan mereka perlu mencapai sekurang-kurangnya penarafan empat bintang," katanya semasa Sesi Rundingan Meja Bulat Menteri pada Forum Bandar Sedunia ke-9, semalam.

Pada 2016, Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan (yang tugasnya mengikut Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan adalah untuk menggubal suatu dasar negara bagi membangunkan, memajukan dan mengawal kerajaan tempatan di negara ini), telah meluluskan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam ucapannya, Noh berkata, terdapat keperluan menangani isu pemulihan dan pembangunan semula bandar bagi menambah baik kualiti kehidupan penduduk bandar.

"Kementerian saya berusaha menubuhkan Perbadanan Pengurusan Awam Kebangsaan bagi tujuan mengurus dan



Bagi memastikan mereka menyampaikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan, kementerian saya juga melaksanakan Sistem Penarafan Bintang bagi Pihak Berkuasa Tempatan."

- Noh

memelihara kualiti perumahan rakyat di samping meningkatkan kualiti kehidupan penduduk B40," katanya.

Noh juga menyatakan Malaysia akan terus meningkatkan kerjasama dengan semua negara anggota dan UN Habitat dalam usaha memajukan bandar raya yang sejahtera untuk didiami.

WUF9, yang bermula semalam dan berakhir pada 13 Februari ini

diadakan bagi kali kedua di Asia, membariskan lebih 500 acara, termasuk perhimpunan, rundingan meja bulat peringkat tinggi, dialog dan sesi khas.

Bertemakan 'Bandar Raya 2030, Bandar Raya Untuk Semua: Melaksanakan Agenda Baharu Bandar (NUA)', forum dihoskan Kuala Lumpur itu akan memberi fokus terhadap pelaksanaan NUA.

- Bernama